



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/12/2018

WAKIL RAKYAT LOMPAT PARTI

# BERSATU semakin kukuh

BH- 20/12/2018 m/s: 8

➔ Kemasukan bekas YB UMNO beri kelebihan raih sokongan undi Melayu

Oleh Kadir Dikoh  
cnews@nstp.com.my

► Putrajaya

**K**emasukan bekas Ahli Parlimen UMNO dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) akan mengukuhkan lagi kedudukan parti itu di kawasan luar bandar.

Perkara itu ditegaskan Pengerusi BERSATU, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang percaya Ahli Parlimen berkenaan mempunyai sokongan kuat di akar umbi kawasan luar bandar yang sudah tentu memberi kelebihan meraih sokongan undi Melayu.

Katanya, apabila BERSATU mendapat tempat di hati orang Melayu, parti akan menjadi lebih kuat dan akan mengukuhkan kedudukan Pakatan Harapan (PH) di kawasan berkenaan.

"Seperti diketahui pada pilihan raya lalu, UMNO masih menjadi parti istimewa bagi sesetengah orang Melayu, tetapi ada yang kecewa dengan perkembangan semasanya.

"Jadi, jika BERSATU mendapat tempat di hati orang Melayu, parti ini akan menjadi



Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri

Jika BERSATU mendapat tempat di hati orang Melayu, parti ini akan menjadi kuat dan akan mengukuhkan kedudukan dalam PH"

kuat dan akan mengukuhkan kedudukan dalam PH.

"Jika kita menolak mereka ini, ia akan memberi kesan kepada undi dan sokongan kepada BERSATU. Mereka boleh menambahkan undi kepada kita, sekali gus mengukuhkan kedudukan BERSATU dan PH," katanya dalam sesi wawancara bersama Editor Kanan media tempatan tertentu di pejabatnya di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas desakan parti komponen dalam PH supaya BERSATU tidak menerima pemimpin UMNO yang ingin menyertai parti berkenaan.

Mengulas kebimbangan pemimpin parti komponen PH dengan perkembangan terbaru itu yang mungkin menyebabkan UMNO bakal mengambil alih kepemimpinan BERSATU, Dr Mahathir berkata, beliau memberi jaminan UMNO tidak sama sekali mengambil alih kedudukan BER-

SATU atau parti lain dalam PH.

### Sumpah seranah pemimpin BERSATU, PH

"Kami bukannya secara mudah mahu mengambil pemimpin UMNO. Tiada tempat diberikan kepada kepemimpinan UMNO yang ada kes di mahkamah; menjadi penyokong tegar Datuk Seri Najib Razak dan mereka yang pernah menyumpah seranah pemimpin BERSATU dan PH termasuk yang melabelkan saya dengan pelbagai gelaran.

"Ini bermakna bukan sesiapa saja bebas menyertai BERSATU," katanya.

Beliau berkata, beberapa syarat perlu dipatuhi sebelum Ahli Parlimen UMNO diterima masuk BERSATU seperti perlu meninggalkan UMNO dan menjadi ahli Bebas terlebih dulu serta perlu menunjukkan sokongan kepada kerajaan.

"BERSATU akan menilai sikap Ahli Parlimen ini sebelum di-

terima masuk dalam BERSATU. Satu lagi syarat, mereka yang menyertai BERSATU akan menjadi ahli biasa dan tidak diberikan apa-apa jawatan parti.

"Pada masa depan, mereka boleh bertanding merebut jawatan, tetapi pada masa ini, mereka tidak diberikan jawatan dalam parti termasuk menggantikan pemimpin sedia ada," katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan tidak semua ahli UMNO dipersalahkan atas kesalahan dilakukan kepemimpinan parti itu.

"Ada antara mereka komited kepada perjuangan parti dan hanya menjadi pengikut, kepemimpinan parti yang menentukan hala tuju parti.

"Sebagai pengikut parti, mereka tidak terbabit langsung dalam membuat formula dan dasar berkaitan parti. Mereka ini orang biasa yang terpilih menjadi calon dan menang pilihan raya.

"Sekarang mereka sudah melihat ada tuduhan berat ke atas Najib, mereka nampak UMNO bukan lagi parti seperti dulu dan tidak lagi berjuang dalam landasan perjuangan asalnya, jadi mereka memutuskan keluar parti.

"Ada antara mereka ini masih berminat dalam politik, mahu menyertai BERSATU tetapi menyatakan enggan memegang apa-apa jawatan dalam parti termasuk dipilih calon pada pilihan raya akan datang," katanya.

Mengulas kemasukan pemimpin UMNO dalam BERSATU sebagai perkembangan tidak sihat untuk parti, katanya, kebanyakan yang mahu menyertai BERSATU bukan hanya pemimpin UMNO.